

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Kerajaan negeri dipelawa sertai projek INTAN

Kerajaan negeri dipelawa sertai projek INTAN

Kementerian Ekonomi mempelawa semua kerajaan negeri untuk menyertai Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan bekerjasama mengenal pasti plot tanah yang sesuai untuk diusahakan.

Menterinya, Rafizi Ramli, berkata beliau optimis Projek Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di bawah IPR akan dapat membantu rakyat miskin tegar dengan model inisiatif yang lebih mampan dan berdaya saing pada masa depan, umpama 'memberi joran dan bukan ikan'.

Beliau berkata, buat masa sekarang, mekanisme mengenal

pasti plot tanah untuk projek pertanian INTAN di bawah IPR adalah kerjasama dengan kerajaan negeri yang memiliki tanah.

Kenal pasti plot tanah

"Jadi, saya buka kepada semua kerajaan negeri untuk sama-sama sertai IPR dan bekerjasama dengan Kementerian Ekonomi untuk terus mengenal pasti plot tanah yang kita usahakan.

"Kalau kerajaan Kedah nak mula dulu, kita akan bantu di Kedah. Kalau Negeri Sembilan nak mula juga, kita akan sambut dan bantu.

"Bagi saya, dengan lebih banyak penyertaan negeri, skala projek INTAN akan bertambah besar dan ini akan menambah motivasi pelaksana dan peserta untuk menjayakannya dengan projek INTAN mula terlaksana dengan tanaman hijau di seluruh negara dan boleh dilihat oleh rakyat secara nyata," katanya dalam satu hantaran di Facebook, semalam.

Rafizi berkata, bagi kementerian dan agensi kerajaan pula, kaedah yang digunakan adalah mengenal pasti tanah yang ada, tetapi tidak digunakan bagi tu-

juan projek penanaman INTAN.

"Ketika ini, beberapa kerajaan negeri memberi komitmen dan kerjasama yang baik dalam usaha membantu peserta INTAN mengusahakan tanaman dan seterusnya menjana pendapatan tambahan," katanya.

Kerajaan dalam Belanjawan 2023 mengumumkan sejumlah RM750 juta disediakan kepada Kementerian Ekonomi bagi menjayakan Inisiatif IPR untuk 2023.

Daripada jumlah itu, sebanyak 50 peratus daripadanya diperuntukkan kepada inisiatif INTAN.

